

NARATIF KOMUNITI CINA TERHADAP PERKAHWINAN CAMPUR: ADAPTASI BAHASA DAN BUDAYA DI TERENGGANU

THE CHINESE COMMUNITY'S NARRATIVE ON INTERRACIAL MARRIAGES: LANGUAGE AND CULTURAL ADAPTATION IN TERENGGANU

Azarudin Awang*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu
Kampus Dungun Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

**Corresponding Author's Email: azaru154@uitm.edu.my*

Article History:

Received : 26 January 2025

Accepted : 19 March 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Awang, A. (2025). Naratif Komuniti Cina Terhadap Perkahwinan Campur: Adaptasi Bahasa dan Budaya di Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 1-14.

ABSTRAK

Kajian ini meneliti fenomena perkahwinan campur antara komuniti Cina dan Melayu di Terengganu, dengan memberi tumpuan kepada proses adaptasi budaya dan agama dalam kalangan pasangan Cina yang memeluk agama Islam. Proses ini melibatkan pelbagai cabaran yang diharungi oleh mualaf seperti perbezaan adat resam, amalan agama, bahasa, dan gaya hidup. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes iaitu melibatkan enam peserta dari komuniti Cina yang telah berkahwin dengan komuniti Melayu di Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui analisis naratif, kejayaan integrasi budaya informan dapat dilihat melalui penggunaan loghat Terengganu, penerimaan adat Melayu-Islam, dan sokongan sosial, walaupun pasangan Cina Muslim ini berdepan dengan cabaran stereotaip serta dilema budaya. Biar pun begitu, kerjasama antara NGO yang berkaitan seperti PERKIM dan MACMA juga penting dalam mempromosikan keharmonian beragama dan sosial dalam kalangan pasangan yang berkahwin campur ini.

Kata kunci: naratif, komuniti cina, perkahwinan campur, bahasa, budaya

ABSTRACT

This study examines the phenomenon of interethnic marriage between the Chinese and Malay communities in Terengganu, focusing on the process of cultural and religious adaptation among Chinese spouses who have embraced Islam. This process involves various challenges faced by the converts, such as differences in customs, religious practices, language, and lifestyle. The study employs a qualitative method using a case study design, involving six participants from the Chinese community who have married into the Malay community in Terengganu. Findings from the study, based on narrative analysis, indicate that successful cultural integration among the informants can be observed through their use of the Terengganu dialect, acceptance of Malay-Islamic customs, and social support, despite the Chinese Muslim spouses facing stereotypical challenges and cultural dilemmas. Nevertheless, collaboration with relevant NGOs such as PERKIM and MACMA is also crucial in promoting religious and social harmony among these interethnic couples.

Keywords: *narrative, chinese community, interethnic marriage, language, culture*

1.0 PENGENALAN

Perkahwinan campur bukan sahaja menggambarkan perpaduan kaum tetapi juga menjadi *platform* yang baik untuk merealisasikan pembentukan identiti budaya baharu yang menggabungkan pelbagai elemen budaya. Namun, perilakunya sering kali berhadapan cabaran seperti perbezaan adat resam, amalan agama, bahasa, dan gaya hidup, biarpun amalan perkahwinan campur membuka ruang untuk mewujudkan keharmonian khususnya melalui toleransi silang budaya.

Berdasarkan kajian yang lalu, komuniti mualaf yang berkahwin dengan pasangan yang berbeza etnik berhadapan cabaran untuk menghayati bahasa dan budaya pasangan, adaptasi terhadap pengamalan agama, dan penerimaan masyarakat setempat (Wan Zuhaira Nasrin et al. 2024). Begitu juga, pasangan Cina yang berkahwin dengan Melayu sering berdepan kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan amalan budaya dan agama Islam, termasuk adat resam, cara hidup, termasuklah meraikan sambutan perayaan pasangan, terutamanya pada peringkat awal mereka agama memeluk Islam. Kegagalan menghayati bahasa dan budaya dengan baik, menimbulkan pelbagai pandangan bersifat skeptikal atau prejudis yang diberikan oleh keluarga pasangan. Kegagalan mualaf berkomunikasi menggunakan bahasa dan budaya setempat sudah tentu menyebabkan matlamat mencapai keharmonian dalam menjalin hubungan sosial akan terbantut. Bagi saudara baru dari etnik Cina ini, mereka kerap kali berhadapan dengan dilema antara mengekalkan tradisi budaya asal dengan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan budaya pasangan, yang kadang kalanya menyebabkan tekanan emosi dan sosial (Azarudin & Khadijah, 2017). Justeru, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana cabaran-cabaran ini diatasi dan bagaimana adaptasi budaya berlaku dalam konteks hubungan kaum yakni komuniti Cina yang memeluk agama Islam dengan masyarakat Melayu di negeri Terengganu.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Komuniti Cina di Terengganu merupakan salah satu kumpulan etnik minoriti yang memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi, budaya, dan sosial negeri ini. Kehadiran mereka di Terengganu telah wujud sejak abad ke-14 lagi apabila negeri ini menjadi pelabuhan perdagangan utama di rantau ini. Sebahagian besar komuniti Cina di Terengganu berasal dari wilayah selatan China seperti Guangdong dan Fujian. Mereka datang sebagai pedagang dan pelombong, terlibat aktif dalam kegiatan perdagangan dengan kerajaan Melayu serta menjalin hubungan ekonomi dengan pelabuhan-pelabuhan yang wujud di sepanjang pesisiran pantai dan sungai. Hari ini, komuniti Cina di Terengganu tertumpu di kawasan bandar seperti Kuala Terengganu, Chukai, dan Dungun, meskipun terdapat juga komuniti kecil di kawasan lain (Azarudin et al, 2018).

Komuniti Cina masih mengekalkan bahasa dan budaya tradisional dari suku sub etnik masing-masing seperti Hokkien, Teochew, dan Kantonis, namun kebanyakan mereka juga fasih berbahasa Melayu menggunakan dialek Terengganu. Kehidupan budaya mereka memperlihatkan gabungan tradisi Cina dan elemen tempatan, terutamanya dalam aspek makanan, pakaian, dan sambutan perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Festival Tanglung (Tan Yao Sua, 2011). Dalam aspek keagamaan, kebanyakan komuniti Cina di Terengganu adalah penganut agama Buddha, Taoisme, atau Kristian, namun terdapat juga sebilangan kecil yang memeluk Islam (Azarudin et al, 2021). Dari sudut ekonomi, mereka terlibat secara aktif dalam sektor perniagaan seperti peruncitan, perikanan, dan perkilangan, selain menyumbang kepada sektor pelancongan, terutamanya di kawasan popular seperti Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Kehidupan sosial komuniti Cina di Terengganu dicirikan oleh hubungan erat dengan masyarakat Melayu, yang sering kali dicerminkan melalui semangat muhibah dan keharmonian antara kaum (Nur Athirah, 2024). Malah, perkahwinan campur antara etnik Cina dan Melayu, khususnya di kalangan Cina Muslim, tidak asing lagi di negeri ini. Apa yang nyata, amalan kahwin campur yang berlaku secara natural berupaya membentuk ikatan kekeluargaan dan kesefahaman antara etnik dan agama (Khadijah et al. 2017).

Perkahwinan campur antara Melayu dan Cina di Malaysia, merupakan fenomena yang semakin diterima dalam masyarakat moden, mencerminkan perpaduan antara kaum di negara ini. Perkahwinan ini sering kali melibatkan perbezaan budaya, agama, dan bahasa, yang pada awalnya mungkin menjadi cabaran, tetapi ia juga membuka peluang untuk integrasi sosial yang lebih erat. Lazimnya apabila berlaku perkahwinan campur ini, terutamanya jika pasangan Cina memeluk Islam, mereka dikenali sebagai "Cina Muslim", dan kehidupan mereka biasanya merupakan adaptasi gabungan budaya Melayu dan Cina. Dari segi sosial, perkahwinan campur ini membantu mempereratkan hubungan antara dua komuniti utama di Malaysia, iaitu Melayu dan Cina, yang sering kali membawa kepada perpaduan keluarga besar yang pelbagai budaya. Anak-anak hasil perkahwinan campur ini sering dibesarkan dengan identiti dwibudaya, menjadikan mereka lebih terbuka kepada pelbagai perspektif dan amalan (Saidatul et al, 2022).

Dari segi bahasa, anak-anak biasanya didedahkan kepada bahasa Melayu dan salah satu dialek Cina seperti Mandarin (bahasa pertuturan umum) atau Kantonis atau Hokkien (bahasa pertuturan di rumah), menjadikan mereka lebih mahir dalam

komunikasi pelbagai bahasa. Walaupun begitu, terdapat cabaran yang perlu dihadapi dalam komuniti yang berkahwin campur ini. Antaranya ialah perbezaan pelaksanaan amalan agama, khususnya apabila pasangan Cina baru memeluk agama Islam, mereka memerlukan tempoh tertentu untuk menyesuaikan diri. Perbezaan adat resam juga memerlukan toleransi dan pemahaman dari kedua-dua pihak, terutamanya apabila berkaitan dengan sambutan perayaan dari sebelah pihak keluarga Melayu seperti sambutan Hari Raya atau majlis-majlis keraian agama Islam (Qamarul Arifin Ali & Muhammad Yusuf Marlon, 2020). Selain itu, komuniti Cina Muslim ini berhadapan dengan tekanan sosial dari keluarga (sama ada keluarga sendiri atau sebelah pasangan), terutama jika terdapat pihak yang kurang menerima perkahwinan ini. Lazimnya, apabila sokongan keluarga dan masyarakat berubah ke suatu arah yang lebih positif, perkahwinan campur ini akan diterima dengan lebih baik (Siti Aishah Yahya et al. 2021).

Mengambil kira masyarakat Melayu merupakan kelompok dominannya adalah beragama Islam, sudah tentu adaptasi terhadap budaya masyarakat ini memainkan peranan penting dalam melestarikan hubungan sosial dalam kehidupan berkeluarga. Komuniti Cina yang berkahwin dengan pasangan Melayu biasanya menyesuaikan diri dengan budaya dan amalan tempatan, terutamanya apabila pasangan Cina memeluk Islam. Proses adaptasi ini melibatkan pelbagai aspek seperti adat resam, gaya hidup, bahasa, dan pemakanan (Muhammad Faris & Muhamad Faisal, 2020). Sebagai contoh, upacara perkahwinan seperti merisik, bertunang, dan akad nikah dilakukan mengikut adat Melayu. Namun kadang kala elemen tradisi asal Cina dimasukkan namun disesuaikan agar selari dengan ajaran Islam (Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli, 2020). Adaptasi kepada gaya hidup Islam menjadi aspek penting dalam integrasi budaya. Ini termasuk pematuhan kepada amalan solat, puasa, dan cara berpakaian yang sopan. Mereka juga mempelajari asas-asas agama seperti membaca Al-Quran dan menghadiri kelas agama, yang sering diadakan di masjid atau surau tempatan (Nor Arfah Mohd. Mazlan & Abd Hakim Mohad, 2022). Di Terengganu, pengaruh agama Islam sangat kuat dan ini menjadikan adaptasi kepada budaya Melayu-Islam lebih menyerlah. Bahkan bagi komuniti Cina yang berkahwin dengan pasangan Melayu di Terengganu, mereka tidak menghadapi sebarang masalah dalam menggunakan bahasa Melayu dialek Terengganu dalam komunikasi harian. Perihal ini bukan sahaja memudahkan interaksi dengan keluarga pasangan tetapi juga membantu mereka berintegrasi dengan masyarakat setempat di sekeliling. Anak-anak daripada perkahwinan campur ini biasanya membesar dengan fasih dalam dua atau lebih bahasa, termasuk bahasa Melayu dan dialek Cina seperti Mandarin atau Hokkien (Azarudin et al, 2021).

Pasangan Cina yang berkahwin dengan Melayu juga biasanya mengamalkan diet halal, dengan mengelakkan sebarang makanan yang mempunyai kaitan dengan babi atau alkohol. Di Terengganu, makanan tradisional Melayu seperti nasi dagang, laksam, dan keropok lekor menjadi sebahagian daripada diet harian mereka. Dalam sesetengah kes, makanan Cina seperti dim sum atau mee sup disesuaikan dengan bahan-bahan halal untuk memenuhi keperluan agama (Azarudin et al, 2022). Bagi sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha diraikan dengan penuh semangat mengikut adat Melayu Terengganu, manakala perayaan Tahun Baru Cina pula diraikan dalam bentuk yang lebih sederhana, dengan menghormati nilai-nilai Islam dan sensitiviti pasangan Melayu. Tuntasnya, pengalaman kehidupan dalam

keluarga campur ini sering dicirikan oleh semangat toleransi dan penghormatan terhadap kedua-dua budaya berasaskan kepada syariat Islam. Keluarga pasangan Melayu Terengganu biasanya memainkan peranan penting dalam membantu pasangan Cina memahami adat resam tempatan, manakala keluarga Cina pula belajar menerima perubahan yang dibawa oleh nilai keislaman dan budaya Melayu melalui pasangan mereka. Biarpun berbeza etnik, hubungan keluarga yang harmoni ini sering kali menjadi asas kepada perpaduan dan kebahagiaan dalam fenomena perkahwinan campur.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes, dengan mendalami naratif-naratif komuniti Cina yang berkahwin campur dengan komuniti Melayu di negeri ini. Justeru, kajian ini melibatkan sepuluh orang peserta kajian (PK) yang terdiri daripada individu-individu Cina Muslim yang telah memeluk agama Islam dan berkahwin dengan pasangan Melayu di negeri Terengganu.

Temubual bagi kajian ini dijalankan pada bulan September 2023 di kelas pengajian agama yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu, yang menjadi salah satu tempat di mana komuniti Cina Muslim mendapat bimbingan dan nasihat dalam pelbagai aspek. Pengumpulan data dilakukan melalui sesi temu bual mendalam dengan menggunakan kaedah temubual separa struktur, yang membolehkan pengkaji mengumpulkan pandangan yang lebih mendalam tentang pengalaman peserta kajian berkaitan dengan perkahwinan campur dan bagaimana mereka mengadaptasi budaya Melayu dan Islam dalam kehidupan mereka.

Pembinaan instrumen soal selidik adalah berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan, dengan merujuk kepada tinjauan literatur yang berkaitan, termasuk kajian terdahulu tentang perkahwinan campur dan integrasi budaya. Soalan-soalan temu bual dibentuk untuk menggali pengalaman peribadi peserta tentang cabaran dalam menyesuaikan diri dengan budaya Melayu dan Islam selepas perkahwinan campur, serta cara mereka menyelaraskan dua budaya berbeza dalam kehidupan harian mereka.

Dalam analisis data, pengkaji menggunakan kaedah manual dengan membaca hasil transkripsi temu bual berulang kali, membuat tanda dan menggaris perkataan serta idea yang mengandungi makna penting, yang seterusnya membentuk tema dan pola dapatan kajian berkaitan adaptasi budaya dalam kalangan komuniti Cina Muslim di Terengganu. Pengkaji kemudian membuat interpretasi deskriptif terhadap dapatan temu bual ini untuk melaporkan hasil kajian secara menyeluruh, dengan menyertakan petikan-petikan dari transkrip yang relevan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan mendalam tentang pengalaman mereka. Untuk menjaga kerahsiaan peserta kajian, setiap individu diberikan kod identiti dari info#1 hingga info#6, memastikan bahawa identiti mereka dilindungi sepanjang kajian dijalankan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Naratif Informan

Peserta kajian terdiri daripada 3 informan lelaki dan 3 informan perempuan yang merupakan komuniti Cina yang memeluk Islam lebih daripada 10 tahun dan menjadikan pasangan dari masyarakat Melayu tempatan sebagai teman hidup. Peserta kajian agak masih menggunakan bahasa Melayu loghat Terengganu apabila menjawab soalan temubual yang dijalankan. Ini boleh diperhatikan melalui naratif-naratif berikut:

Bil	Maklumat Info	Naratif
1	Info#1 (Lelaki)	"Masa aku kawing dengan bini aku, mok aku mari jugok, masa merisik, meminang, masa aku bersanding dia mari jugok, tengok camne orang buat (orang Melayu). Lepah kahwin... biasalah... aku balik sokmo bawa bini dengan anak-anak gi rumah mok aku dekat Kampung Bukit Kecil. Hubungang dengan masyarakat Melayu aku dok masalah pakai budaya Melayu, macam hari raya posa aku pakai baju Melayu gi semayang macang orang Melayu... pastu gi rumah waris-waris (waris bini). Kalau jiran-jiran panggil kenduri aku tolong jugok macam orang kahwin, tahlil, bace Yasin. Kalau bab makanang minung, aku dok masalah... aku dok cerewet pilih makanang, bini aku masok style Melayu macam singgang, gulai, kari aku boleh makanang. Bende tu doh biasa bagi aku..."Anok dok pandai cakap Cine... dok dang nok ajar... banyak dok dengan bini. Anok aku hok sulung sekolah Melayu, hok kecil dok dekat tempat asoh budok. Anok-anok aku banyak ikut cara Melayu."
2	Info#2 (Lelaki)	"Kadang-kadang lah, biaso kat surau atau kat masjid... kadang-kadang MAIDAM panggil wat program gotong royong. Kalau kematiang... biase gak ikut gi tengok orang mati... usung orang mati sampai ke kubor. Kenduri kaweng... kalau dia orang jeput saya pergilah... tapi dok lah tolong dia orang... cuma makang-makang aje...Dekat PERKIM dengan MAIDAM. Saya baca buku agama... dok faham saya tanya kawan-kawan Melayu."
3	Info#3 (Lelaki)	"Kalau aktiviti saya boleh join sebab saya biaso bercampur gaul dengan orang Melayu, kita orang Cina Peranakan makan pun macam orang Melayu guna tangan... kadang-kadang pakai sudu, chopstick ni jarang sangat. Macam dia orang nak buat tahlil kita pergilah jemput budak-budak dari Maahad Tahfiz berapa orang, berapa orang dan join dengan dia orang sekali, semayang, Masa kahwin dia punya adat (masyarakat Cina) macam adat Melayulah... kita tak pakai adat Cina sebab nak mengelakkan daripada orang yang tak perlu tau..."

		keluarga semua tu... no 2 of course kalau kita pakai adat kita dia akan jadi amende yang heboh plak. Saya pakai baju Melayu, tak bersandinglah cuma bergambar jela."
4	Info#4 (Perempuan)	"Kalau musim kenduri kendara... kita tolong hak mana boleh buat, anak-anak saya kawin guna adat Melayu. Saya banyak wakil ke adik ipar saya. Saya belajar dari situ ah... adat merisik, meminang... bersanding... tapi orang Cina lebih kurang je ngan Melayu budaya nak kawin... ia pun ada merisik gok... same je. Kalau gotong-royong saya gi... mandi dia upah, anak beranak, waris-waris kita gi layan-layan gitu macam akat air."
5	Info#5 (Perempuan)	Awal-awal kahwin dengan orang Melayu payah jugok nak terima, pandangan serong orang Melayu, pandang rendahlah... kalau ada apa dia dok meeting dengan kitalah. Dari segi makan minum, saya tok leh nak makan hak orang Melayu buat pada masa itulah, memang susahlah masa tuu. Masa raya, kita masak cara kitalah... dia kata mu masak apa ni air saja... kita rasa hatilah sedangkan kita tak tau makan santan. Jadi dia orang tak makan, jadi kita masak sendiri ah. Penglibatan kenduri-kendara masyarakat Melayu kalau sekarang kalau semua masyarakat buat mende-mende saya terlibatlah... contohnya saya mengajar anak-anak jiran mengaji al-Quran... macam kalau orang nak kahwin orang jemput kita mintak hadirlah sebagai bagi sokongan, suruh tengok pengantin, nak pergi meminang... (Ketawa) kita cakap betul macam pantun saya dok pandai."
6	Info#6 (Perempuan)	"Oklah. Ipar-ipar pun baik belakalah... mak tua saya ni jenis open minded, waris-waris open minded gok. Macam ayah saya sendiri memang masuk Islam gok lepas tu dia kahwin dengan orang Melayu. Kalau umah yang kita kenal tu, jiran kita gi ah gotong royong... kita tolong potong bawang, siang ayam apa yang hak perlu kita buatlah, kita tengok yang mana tempat kurang tenaga kita gi tempat tuu. Saya ada 4 orang, 3 orang dah kahwin... macam anak kahwin ikut budaya orang Melayu merisik, meminang... dok lah pandai sangat, hok nombor tiga je orang mari merisik kan... macam saya kahwin dulu simple... je akad nikah je."

4.2 Ketekalan Penggunaan Bahasa Dialek Terengganu

Petikan-petikan naratif di atas menggambarkan penggunaan bahasa Terengganu yang sangat jelas dan menunjukkan keunikan dialek Melayu versi Terengganu dikuasai oleh komuniti Cina Muslim. Bahasa yang digunakan memperlihatkan kesederhanaan, mesra, dan bersahaja, mencerminkan cara hidup masyarakat Cina Terengganu yang sangat berakar umbi dengan tradisi dan budaya komuniti di sekeliling. Dalam setiap naratif, kita dapat melihat bagaimana peserta kajian berinteraksi dengan budaya Melayu melalui penggunaan bahasa yang sangat berbeza

dengan bahasa Melayu biasa, namun tetap jelas dan mudah difahami. Contoh kata-kata **"dok masalah"** (tiada masalah) yang digunakan berulang kali dalam naratif info#1 dan info#3 menunjukkan ketenangan dan penerimaan dalam berinteraksi. Perkataan ini sering digunakan untuk memberi penekanan kepada keadaan yang tidak menyusahkan atau tiada halangan. Sebagai contoh, "Hubungang dengan masyarakat Melayu aku dok masalah pakai budaya Melayu" menunjukkan bagaimana penutur tidak merasa kekok dalam menyesuaikan diri dengan budaya Melayu, malah berasa selesa dengan perubahan tersebut.

Selain itu, penggunaan **"gi"** (pergi), **"mari jugok"** (datang juga), dan **"dok pandai"** (tidak pandai) adalah elemen dialek Terengganu yang memperlihatkan sifat akrab dan mesra dalam perbualan. Dalam naratif info#1, ungkapan **"tengok camne orang buat"** (tengok macam mana orang buat) menunjukkan keinginan untuk mempelajari dan menyesuaikan diri dengan budaya perkahwinan Melayu, manakala **"bini aku"** dan **"anok-anok"** adalah contoh penggunaan bahasa yang lebih santai dan akrab, yang sering digunakan dalam kalangan keluarga atau komuniti yang rapat.

Perkataan-perkataan seperti **"hak"** (yang), **"dok"** (tidak), dan **"buleh"** (boleh) memperlihatkan cara penutur berbicara dengan santai dan tidak formal. Dalam naratif info#5, misalnya, penggunaan **"dok leh nak makan hak orang Melayu buat"** (tak boleh makan makanan yang dibuat orang Melayu) memberi gambaran bagaimana penutur mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan makanan Melayu pada awalnya, tetapi ia juga menunjukkan bagaimana perubahan itu berlaku secara beransur-ansur apabila penutur mula menerima makanan Melayu seperti **"singgang"**, **"gulai"**, dan **"kari"**.

Penggunaan dialek ini juga menambah elemen humor dan keakraban dalam naratif, seperti yang dapat dilihat dalam naratif info#5 apabila penutur berbicara tentang pengalaman mengajar anak-anak jiran mengaji al-Quran dan menghadiri majlis perkahwinan dengan penuh keikhlasan. Dalam naratif info#3, pengucapan **"kami orang Cina Peranakan makan pun macam orang Melayu"** menunjukkan bagaimana penutur tidak hanya beradaptasi dalam hal adat dan budaya, tetapi juga dalam hal cara makan dan sosial. Perkataan **"saya"** dan **"kita"** yang digunakan dalam naratif ini memberikan kesan bahawa penutur berusaha untuk mengintegrasikan dirinya dengan masyarakat Melayu tanpa perasaan asing atau terasing.

4.3 Pengalaman Adaptasi Budaya Melayu Setempat

Dari segi budaya, didapati proses menyesuaikan budaya berlaku dalam dua suasana berbeza. Pertamanya, komuniti Cina Muslim ini mengamalkan pelbagai adat dan tradisi Melayu, yang khususnya berkaitan dengan perkahwinan, sosial, dan agama. Sebagai contoh naratif info#1, penutur menceritakan pengalamannya menyertai upacara perkahwinan Melayu seperti merisik, meminang, dan bersanding, yang merupakan elemen penting dalam adat resam Melayu. Walaupun berasal dari komuniti tegar Cina, penutur menunjukkan sikap yang lebih terbuka untuk menyesuaikan diri dengan adat Melayu dalam perkahwinannya. Penglibatan dalam adat Melayu ini bukan sahaja mencerminkan penerimaannya terhadap budaya

tempatan, tetapi juga menunjukkan sikap akomodatifnya terhadap nilai-nilai tradisi Melayu yang diamalkan dalam masyarakat sekitarnya.

Selanjutnya melalui pengamatan naratif "**Hubungan dengan masyarakat Melayu aku dok masalah pakai budaya Melayu,**" penutur menggambarkan bahawa mengamalkan budaya Melayu dirasakan sebagai sesuatu yang semula jadi dan tidak mendatangkan sebarang halangan bagi dirinya. Hal ini mencerminkan bahawa tahap penerimaan budaya yang tinggi serta keinginan mendalam dalam kalangan komuniti Cina untuk menyesuaikan diri dan membaur dalam urusan budaya masyarakat Melayu sekitar. Selain itu, penggunaan pakaian tradisional Melayu seperti "**baju Melayu**" dan terlibat dalam "**semayang**" (solat) adalah contoh jelas bagaimana penutur mula mengamalkan tradisi budaya Melayu-Islam yang kuat di Terengganu.

Naratif info#2 pula memperlihatkan bagaimana penutur, meskipun berasal dari latar belakang Cina, turut terlibat dalam aktiviti sosial dan keagamaan masyarakat Melayu seperti **gotong royong**, **kenduri kahwin**, dan **tahlil**. Penerimaan terhadap amalan gotong-royong sebagai sebahagian daripada budaya Melayu yang diwarisi sekian lama menunjukkan betapa penutur telah menyerap nilai-nilai kemasyarakatan yang penting dalam masyarakat Melayu, seperti kerjasama dan tolong-menolong. Seterusnya, naratif info#4 cuba memperlihatkan bahawa meskipun wujud perbezaan adat, terdapat banyak persamaan antara adat perkahwinan Cina dan Melayu, yang menunjukkan bahawa perbezaan budaya boleh disatukan dalam satu majlis yang harmonis.

Naratif info#5 pula menunjukkan kesulitan pada peringkat awal yang dihadapi oleh dirinya dalam menyesuaikan diri dengan budaya makanan Melayu khususnya dalam aspek citarasa dan budaya makan. Walaupun begitu, penutur akhirnya cuba belajar untuk menerima dan menikmati hidangan Melayu seperti **singgang**, **gulai**, dan **kari**. Penyesuaian dalam aspek makanan adalah satu bentuk adaptasi yang penting kerana ia melibatkan kebiasaan harian keluarga yang telah mempengaruhi cara hidup pasangan sejak sekian lama lagi.

Seterusnya, naratif info#6 pula menceritakan peranan aktiviti **gotong royong** dalam budaya Melayu. Penutur membantu jiran-jiran dengan tugas-tugas seperti **memotong bawang**, **menyiang ayam**, dan sebagainya. Penglibatan dalam aktiviti sosial sebegini menunjukkan bahawa penutur bukan sahaja mengadaptasi adat perkahwinan Melayu tetapi juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang menjadi sebahagian daripada norma budaya Melayu.

4.4 Cabaran Adaptasi Bahasa dan Budaya

Berdasarkan analisis transkrip naratif-naratif yang dikemukakan, ianya menunjukkan bahawa komuniti Cina yang berkahwin campur dengan masyarakat Melayu di Terengganu menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam menyesuaikan diri dengan budaya, adat, dan cara hidup yang berbeza. Cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha untuk berintegrasi, proses adaptasi ini tidak selalu berjalan lancar dan melibatkan beberapa kesulitan. Salah satu cabaran utama yang digambarkan dalam naratif info#5 adalah disebabkan **perbezaan dalam adat makan**. Penutur berkongsi pengalamannya yang sukar untuk menerima makanan yang disediakan oleh masyarakat Melayu pada awal

perkahwinannya. **“Dok leh nak makan hak orang Melayu buat pada masa tulah, memang susahlah masa tuu”** menunjukkan bahawa perbezaan dalam cara penyediaan makanan, terutama penggunaan santan dalam masakan Melayu, menjadi kekangan bagi penutur untuk menyesuaikan diri. Cabaran dalam aspek makanan ini mencerminkan betapa pentingnya tradisi makan dalam setiap budaya dan betapa ia boleh memberi tekanan bagi mereka yang baru sahaja terlibat dalam budaya yang berbeza. Walaupun akhirnya penutur dapat menerima masakan Melayu seperti **singgang, gulai, dan kari**, pengalaman awal tersebut jelas menunjukkan kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan budaya makanan yang berlainan.

Selain itu, **‘pandangan masyarakat Melayu’** juga menjadi cabaran yang dihadapi oleh individu dalam perkahwinan campur, sebagaimana yang dijelaskan dalam naratif info#5. Penutur berkongsi pengalaman negatif tentang pandangan serong orang Melayu terhadap dirinya ketika awal perkahwinannya, yang memandang rendah dan memperlekehkan pilihan mereka. **“Pandangan serong orang Melayu, pandang rendahlah... kalau ada apa dia dok meeting (maklum) dengan kitalah”** menggambarkan keluarga pasangan Melayunya melihat pasangan dirinya dalam keadaan kekeliruan atau stereotaip yang tidak menguntungkan. Pandangan negatif terhadap informan ini meningkatkan tekanan kepada pasangan yang berusaha menyesuaikan diri kehidupan pasangan Melayunya.

Proses pembelajaran agama Islam adalah suatu perjalanan yang berterusan, namun informan turut menghadapi pelbagai cabaran. Kekeliruan terhadap istilah-istilah agama yang digunakan, yang kadang-kala berbeza dengan pemahaman mereka dalam bahasa dan budaya asal menyukarkan informan memahami konsep-konsep agama yang baru diterima, terutama apabila ia melibatkan terjemahan atau interpretasi istilah yang tidak biasa digunakan dalam budaya tempatan mereka. Melalui naratif info#2, penutur menyebut bahawa dia sering mengikuti program agama yang dianjurkan oleh MAIDAM (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu) dan berusaha untuk memahami agama Islam dengan bertanya kepada rakan-rakan Melayu. Ini menunjukkan cabaran penyesuaian terhadap agama Islam, terutama bagi mualaf yang baru memeluk agama tersebut. **“Saya baca buku agama... dok faham saya tanya kawan-kawan Melayu”** menggambarkan keperluan untuk belajar dan memahami agama bukan hanya bergantung kepada pihak MAIDAM tetapi perlu kepada bimbingan tambahan daripada pihak lain.

Selain itu, cabaran dalam **menghadapi perubahan sosial** juga tidak kurang penting. Dalam naratif info#4, penutur berkongsi pengalaman tentang bagaimana dia menyertai majlis gotong-royong dan aktiviti-aktiviti sosial lain seperti **kenduri kahwin** dan **tahlil**, tetapi pada masa yang sama, dia merasakan ada batasan tertentu dalam interaksi sosial yang tidak dapat dilampaui. Walaupun dia mahu membantu dan berintegrasi, terdapat garis yang memisahkan antara budaya dan cara hidup mereka yang berlainan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa walaupun ada usaha untuk mengetahui lebih mendalam tentang budaya Melayu, namun perubahan lanskap sosial dan penyesuaian dalam kegiatan sosial juga menjadi cabaran kerana adanya perbezaan nilai dan norma yang perlu dihormati.

Begitu juga aspek yang menyentuh identiti budaya, juga menjadi satu cabaran yang signifikan bagi informan. Naratif info#3 menunjukkan bahawa penyesuaian terhadap adat perkahwinan Melayu merupakan cabaran yang perlu ditempuhinya, kerana beliau merasa lebih selesa mengikuti adat-adat Cina seperti

yang biasa diamalkan. Gaya bahasa **“Saya pakai baju Melayu, tak bersandinglah cuma bergambar jela”** menunjukkan bahawa penyesuaian terhadap adat Melayu dalam urusan majlis perkahwinan adalah satu bentuk penyesuaian tidak memerlukan kompromi dengan adat asal mereka. Bagi informan, menjaga identiti budaya sambil menghormati budaya pasangan atau masyarakat sekeliling menjadi satu cabaran dalam proses asimilasi budaya ini.

5.0 PERBINCANGAN

Penggunaan bahasa Melayu loghat Terengganu dalam kalangan pasangan komuniti Cina Muslim yang berkahwin dengan komuniti Melayu Terengganu mencerminkan kejayaan integrasi budaya. Proses hubungan sosial ini sebenarnya berlaku dalam tempoh yang cukup lama sehingga mewujudkan kelompok Cina yang berasimilasi budaya komuniti Melayu. Proses ini bukan sahaja memupuk rasa penerimaan, tetapi juga menunjukkan bagaimana bahasa menjadi elemen penting dalam pembentukan identiti dwibudaya dan keharmonian antara etnik di negeri ini. Dalam naratif ini, dialek bukan sahaja menjadi alat komunikasi tetapi juga cerminan perjalanan individu dalam membina identiti dwibudaya, seperti yang terlihat dalam penerimaan makanan, cara hidup, dan interaksi harian mereka, walaupun pada awalnya terdapat cabaran dalam menyesuaikan diri. Hal ini menonjolkan bahawa bahasa menjadi jambatan penting dalam memupuk perpaduan kaum khususnya antara komuniti Cina dan Melayu di Terengganu. Kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh terdahulu oleh Solahuddin et al. (2021) menyatakan rundingan sosial seperti penggunaan dialek lokal memupuk rasa kebersamaan dan penerimaan sosial, manakala Tan Yao Sua (2011) menegaskan bahawa kefasihan dalam dialek tempatan sering dikaitkan dengan integrasi budaya yakni komuniti mengalami asimilasi budaya yang berjaya.

Proses asimilasi yang dinamik telah berlaku antara komuniti Cina dan masyarakat Melayu di Terengganu, terutama melalui perkahwinan silang budaya. Naratif-naratif peserta kajian memperlihatkan bagaimana adat dan tradisi Melayu, seperti merisik, meminang, bersanding, serta penglibatan dalam aktiviti sosial seperti gotong royong, kenduri kahwin, dan tahlil, telah diterima dan diamalkan dalam suasana yang baik. Tuntasnya, interaksi budaya bukan sahaja mendekatkan hubungan antara dua komuniti tetapi juga menyumbang kepada keharmonian sosial di Terengganu. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa adaptasi budaya dalam konteks perkahwinan campur antara komuniti Cina dan Melayu melibatkan penerapan nilai, adat resam, dan gaya hidup yang berteraskan budaya Melayu-Islam (Ishak, 2023). Melalui kajian Azarudin et al. (2018), individu Cina yang memeluk Islam dan berkahwin dengan pasangan Melayu cenderung menyesuaikan diri dengan tradisi perkahwinan Melayu seperti merisik, bertunang, dan bersanding, malah kadang kalanya digabungkan dengan elemen tradisi Cina. Tan Yao Sua (2011) pula menekankan bahawa penyesuaian terhadap adat Melayu ini bukan sahaja berlaku dalam upacara perkahwinan tetapi juga dalam kehidupan harian, termasuk aspek pemakanan, pemakaian, dan sambutan perayaan. Dapatan kajian disokong oleh kajian Yang Fan dan Shafa'atussara (2024) mendapati bahawa penggunaan bahasa dan budaya Melayu dialek lokal menjadi medium penting dalam interaksi sosial, yang selanjutnya memudahkan proses integrasi dengan masyarakat di sekeliling.

Dalam aspek sosial, Azarudin & Khadijah (2017) menekankan bahawa penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong dan kenduri memainkan peranan penting dalam memperkukuh hubungan antara komuniti Cina dan Melayu. Selain itu, kajian lain Azarudin et al. (2018) menunjukkan bahawa penyesuaian terhadap makanan tradisional Melayu adalah salah satu bentuk adaptasi budaya yang ketara, di mana hidangan seperti nasi dagang, gulai, dan keropok lekor menjadi sebahagian daripada diet harian pasangan yang berkahwin campur. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa perkahwinan campur bukan sahaja mencerminkan kesediaan untuk menerima perbezaan budaya tetapi juga menjadi ruang untuk memperkukuh integrasi sosial dan perpaduan antara etnik.

Biarpun begitu, komuniti Cina juga mengharungi cabaran tertentu dalam menyesuaikan kehidupan sebagai Muslim. Tuntasnya, cabaran yang dihadapi oleh komuniti Cina dalam perkahwinan campur dengan masyarakat Melayu di Terengganu mencerminkan kompleksiti penyesuaian terhadap budaya, agama, dan sosial dalam kehidupan baru. Walaupun terdapat kesulitan seperti perbezaan adat makanan, stereotaip keluarga dan masyarakat pasangan Melayu, dan proses adaptasi terhadap amalan dan nilai Islam, namun usaha untuk berintegrasi sering disokong oleh semangat toleransi dan panduan komuniti setempat. Keharmonian dalam perkahwinan campur ini menonjolkan kepentingan saling menghormati budaya dan agama, yang akhirnya memperkukuh lagi perpaduan sosial antara masyarakat. Dapatan ini menyerlahkan perlunya kesedaran dan penerimaan dalam membina hubungan antara budaya yang kukuh dan harmonis. Hasil dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan Qamarul Arifin & Muhammad Yusuf Marlon (2020) menjelaskan fenomena yang sama yakni komuniti yang berkahwin dengan pasangan dari etnik yang lain berhadapan dengan pengambilan diet makanan yang tidak serupa kerana setiap etnik mempunyai kelainan citarasa harian. Selain itu, stereotaip negatif daripada masyarakat, seperti pandangan rendah terhadap pasangan campur, turut menyulitkan proses integrasi sosial (Siti Aishah Yahya et al., 2021). Kajian yang dilakukan oleh Khadijah et al. (2017) turut mendapati adaptasi terhadap agama dan identiti budaya dalam kalangan komuniti Mualaf yang berkahwin campur dapat diatasi melalui toleransi dan sokongan komuniti setempat.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa perkahwinan campur antara komuniti Cina dan Melayu di Terengganu berjaya mencerminkan integrasi budaya yang dinamik melalui proses adaptasi bahasa, adat resam, dan amalan harian melalui hubungan sosial yang panjang antara dua komuniti ini. Penggunaan loghat Terengganu dalam kalangan pasangan Cina Muslim bukan sahaja mencerminkan kejayaan integrasi budaya tetapi juga memupuk identiti dwibudaya yang unik dan harmoni. Walaupun terdapat cabaran seperti perbezaan adat makanan, penerimaan masyarakat, dan proses adaptasi agama, sokongan komuniti serta toleransi memainkan peranan penting dalam mengatasi rintangan ini. Justeru, interaksi budaya melalui perkahwinan campur bukan sahaja memperkukuh perpaduan etnik di Terengganu tetapi juga menawarkan model hubungan sosial yang inklusif dan bersifat harmoni. Pengalaman pasangan Cina yang memeluk Islam menunjukkan bagaimana

perkahwinan campur bukan sahaja membentuk identiti budaya baharu tetapi juga memperkukuhkan perpaduan antara kaum di Malaysia

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FRGS/1/2023/SS10/UITM/02/26 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi MARA kerana menyediakan dana untuk penyelidikan yang dijalankan.

Sumbangan Pengarang

Awang, A., adalah pengarang tunggal yang terlibat secara menyeluruh dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir sebelum penghantaran artikel kepada penerbit.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Hambali. (2017). Apresiasi Dialog Kehidupan Berhikmah Komuniti Cina Muslim di Terengganu. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(1), 1–22.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Wahairi Mahmud. (2018). Kesepaduan budaya Melayu dalam kehidupan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1), 7–11.
- Azarudin Awang, Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey & Irdina Safiah Izudin. Pengetahuan, Persepsi dan Perilaku Konsumer Mualaf di Negeri Terengganu Dalam Menggunakan Produk Makanan Halal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 33–58.
- Azarudin Awang, Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad & Ahmad Faizal Ramly. (2021). Peranan Kuala Terengganu Sebagai Pusat Kegiatan Agama Komuniti Cina. *'Abqari Journal*, 24(1), 137–154.
- Khadijah Mohd Khambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli & Khairul Nizam Mat Karim. (2017). Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim. *Akademika*, 87(2), 63–76.
- Ishak Saat. (2023). Cabaran Interaksi, Integrasi dan Asimilasi Antara Pribumi (Melayu) Dengan Imigran di Malaysia. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 32(2).

- Muhammad Faris Abdul Fatah & Muhamad Faisal Ashaari. (2020). Asimilasi masyarakat Cina dengan orang Melayu di Kelantan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 186–198.
- Nor Arfah Mohd Mazlan & Abd Hakim Mohad. (2022). Cabaran Mualaf Dalam Membina Kehidupan Baharu: Satu Kajian Di Mukah. *E-Proceeding of International Seminar on Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (I-STET)*, 302.
- Nur Athirah Aqilah Ariffin. (2024). Kaum China Peranakan di Chinatown Terengganu: Kajian ke atas penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival 'Mek Awang'. *Tesis Sarjana Muda*, UMK.
- Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli. (2020). Pertimbangan Uruf Dalam Interaksi Tradisi Masyarakat Orang Asli di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 170–188.
- Qamarul Arifin Ali, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2020). Tahap Penyesuaian Diri Masyarakat Mualaf di Sarawak. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 163–177.
- Saidatul Nornis Mahali, Aishah Tamby Omar & Wong Mee Mee. (2022). Domain Dan Pemilihan Bahasa Generasi Muda Murut di Daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(3), 119–138.
- Solahuddin Abdul Hamid, Mohd Nizho Abdul Rahman, Syed Sultan Bee Packeer Mohamed, Muhamad Amar Mahmad, Khariah Mohd Yassin, Suhanim Abdullah, Syahrul Faizaz Abdullah, Muhammad Ahmad, Azman Md Zain, Rafidah Mohamad Cusairi, Mohamad Faizal Abd Matalib. (2019). *Hubungan Etnik*. UUM Press.
- Tan Yoa Sua. (2011). Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2(2), 151–162.
- Yang Fan & Shafa'atussara Silahudin. (2024). Sorotan Kajian Antropologi Budaya Masyarakat Melayu di Kelantan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 37–50.
- Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don & Siti Aishah Yahya. (2024). Asimilasi Budaya Mualaf Dengan Orang Melayu di Kelantan. *GJAT*, 188–204.